

# MRT CORP

## TUMPU KONTRAKTOR BUMIPUTERA

» 37 pakej kerja projek MRT Laluan Dua SSP milik Bumiputera

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@bh.com.my

**M**ass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menyasarkan sekurang-kurangnya 45 peratus nilai kerja bagi projek MRT Laluan Dua Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) akan diagihkan kepada kontraktor Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutifnya,

Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata Laluan SSP akan mengandungi 66 pakej kerja yang sudah diluluskan, yang mana 37 daripadanya disasar diagihkan kepada kontraktor Bumiputera.

Beliau berkata, Laluan Satu Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang dijangka mula beroperasi Disember depan pula, mengandungi 84 pakej secara keseluruhannya, yang mana 23 daripadanya dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera.

"Anggaran kos keseluruhan projek bagi Laluan SBK adalah RM23 bilion, dengan 43 peratus diraih kontraktor Bumiputera. Ini satu jumlah yang agak besar, termasuk bagi kerja bawah tanah dan sebagainya.

"Bagi Laluan SSP, kami menyasarkan angka lebih tinggi dan saya yakin sasaran berkenaan boleh dicapai. Jika Laluan SBK membabitkan 43 peratus,

Laluan SSP menyasarkan minimum 45 peratus adalah bagi kontraktor Bumiputera," katanya dalam temu bual bersama wartawan kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

MRT Corp adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan ditubuhkan untuk tujuan memajukan dan memiliki aset projek MRT.

### Kekal elemen Bumiputera

Shahril berkata, agenda Bumiputera yang dilaksanakan oleh MRT Corp juga akan menyaksikan syarikat itu tidak hanya akan memberikan perhatian kepada kontraktor Bumiputera kelas A semata-mata.

Malah, katanya, jika dilihat kepada Laluan SBK, ada juga bahagian untuk kontraktor ke-


cil, iaitu sub-kontrak yang terdiri daripada kontraktor kecil Bumiputera kelas G1 hingga G4 serta G5 hingga G6 yang keseluruhannya bernilai RM300 juta.

"Kami menyasarkan untuk meningkatkan jumlah kontrak untuk kontraktor kecil kepada RM900 juta (bagi Laluan SSP) dan mempunyai perancangan bagi mencapai sasaran berkenaan.

"Sebagai contoh, bagi kerja bawah tanah laluan SSP, antara syarat kepada pembida adalah mereka perlu memperuntukkan minimum RM300 juta khusus kepada kontraktor kecil," katanya.

Beliau berkata, MRT Corp juga akan mengekalkan elemen Bumiputera bagi tender ruang komersial yang akan dibuka tidak lama lagi.

LIHAT MUKA B2



## Sasaran kos Laluan SBK RM23 bilion

o Dari muka B1

Mengenai kos keseluruhan Laluan SSP, Shahril berkata, nilainya hanya akan boleh diketahui apabila MRT Corp selesai menganugerahkan semua kontrak kerjanya kelak.

Katanya, sama seperti Laluan

SBK, MRT Corp mempunyai bajet bagi projek MRT, namun ia bukanlah kos sebenar yang disasarkan.

"Kos ditentukan sebaik sahaja kontrak diberikan. Bagi Laluan SBK, kos disasarkan adalah RM23 bilion, sehingga kini kontrak yang sudah dianugerahkan adalah berjumlah RM22 bilion, membolehkan

RM1 bilion digunakan sebagai penanaman

"Kami juga mempunyai bajet luar jangka 15 peratus daripada jumlah kontrak keseluruhan. Namun, saya yakin (perancangan Laluan SSP) akan mengikut kos yang disasarkan," katanya.

### Bajet Laluan SSP

Shahril berkata, secara dasarnya MRT Corp mempunyai bajet bagi Laluan SSP, tetapi nilai sebenarnya masih belum dimuktamadkan dan ia bergantung kepada perbincangan dalaman.

Namun, tegasnya, bajet yang diperuntukkan bagi Laluan SSP

adalah lebih tinggi berbanding Laluan SBK memandangkan jarak laluan yang lebih panjang serta mengambil kira kenaikan kos pekerja, bahan mentah serta tukaran asing.

"Perlu juga difahami, Laluan SBK membabitkan kos RM22 bilion bagi 51 kilometer (km), termasuk 9.5km laluan bawah tanah, dengan sebahagian besar belanja adalah bagi kerja bawah tanah yang menelan kos RM8.6 bilion," katanya.

Laluan SSP mempunyai jarak sejauh 52.2 kilometer dengan laluan bawah tanah sepanjang 13.5 kilometer serta 37 stesen.